

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.05.2016

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah 'cukai minyak' iaitu lebihan antara harga pam petrol dan diesel dengan harga sebenar, yang dikutip sejak sistem apungan terkawal ataupun 'managed float system' diperkenalkan.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan pelaksanaan penetapan harga runcit petrol RON97, RON95 dan diesel mengikut harga pasaran selaras dengan pelaksanaan apungan terkawal (*managed float*), harga runcit petrol dan diesel akan mengalami perubahan selari dengan trend semasa harga minyak di pasaran dunia dan kadar pertukaran Ringgit dengan US dolar. Berdasarkan kaedah ini, purata bulanan perubahan kos produk petroleum dan kadar pertukaran mata wang dalam bulan sebelumnya akan digunakan bagi menetapkan harga pada bulan berikutnya.

Pada setiap 1 haribulan, harga yang ditetapkan adalah pada paras yang menggambarkan kedudukan harga pasaran di mana komponen subsidi mahupun lebih adalah di tahap paling minima. Walau bagaimanapun, memandangkan *volatility* harga minyak dan kadar pertukaran mata wang dalam pasaran, maka akan berlaku keadaan di mana terdapat sedikit subsidi atau lebih. Subsidi berlaku apabila harga runcit yang ditetapkan adalah lebih rendah daripada harga sebenar dalam bulan semasa, manakala lebih pula berlaku apabila harga yang ditetapkan adalah lebih tinggi daripada harga sebenar dalam bulan semasa. Kedudukan tersebut lebih merupakan faktor penyelarasan harga semata-mata dan dengan itu isu “cukai minyak” sewajarnya tidak berbangkit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 17 MEI 2016

SOALAN : 97

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) jumlah kos untuk memasang 1200 unit kamera penguatkuasaan elektronik (AES) dan di seluruh negara; dan
- (b) bagaimanakah pembahagian kutipan saman di antara kerajaan dan syarikat pengendalian AES.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) akan diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System* (AwAS) dalam usaha menangani isu keselamatan jalan raya. Pemasangan kamera AES akan hanya dilakukan di lokasi *Accident Prone Area* (APA) dan kawasan berisiko tinggi yang dikenalpasti dan ditentukan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Selain itu, pandangan orang ramai di peringkat akar umbi akan diambilkira dalam menentukan lokasi pemasangan kamera tersebut. Segala kos berkaitan pembangunan dan operasi sistem serta infrastruktur AES dibiayai oleh syarikat penyedia perkhidmatan AES.

- (b) Bagi maksud pembahagian kutipan saman di antara kerajaan dan syarikat pengendalian AES, syarikat penyedia perkhidmatan AES akan menerima bayaran fi perkhidmatan daripada Kerajaan di mana amaunnya sedang dalam proses rundingan mengambilkira pengambilalihan syarikat penyedia perkhidmatan AES oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan syarikat subsidiarinya.